

21 JUN 2003

Syed Hamid-OIC

S/AGUNG OIC AKAN TINJAU PERSEDIAAN SIDANG KEMUNCAK

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz akan melawat Malaysia Khamis depan bagi meninjau persediaan yang dibuat untuk Sidang Kemuncak OIC yang dijadualkan berlangsung Oktober ini.

Ketika menyatakan perkara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata selain mengadakan perbincangan dengan beliau, Belkeziz juga dijangka mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai isu-isu OIC.

Beliau turut menangkis desas-desus tentang penangguhan persidangan yang dijangka berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya itu.

"Ada cakap-cakap sidang kemuncak ini akan ditangguhkan. Saya tidak ada apa-apa petunjuk yang menyatakan mesyuarat ini akan ditangguhkan," katanya kepada Bernama di luar Perhimpunan Agung Umno Ke-54 di sini hari ini.

Ditanya tentang respons berhubung kehadiran negara-negara OIC pada sidang kemuncak tersebut, Syed Hamid berkata berdasarkan pertemuan dengan rakan-rakan sejawatannya di Tehran baru-baru ini, semuanya menyatakan minat untuk menghadirinya.

Beliau berkata surat jemputan untuk menghadiri mesyuarat itu akan dikeluarkan selepas perhimpunan agung Umno berakhir hari ini.

Beberapa menteri akan dilantik sebagai wakil khas untuk menyampaikan jemputan itu bagi pihak Dr Mahathir, katanya.

Dalam pada itu, Syed Hamid berkata Malaysia telah membuat persediaan amat rapi untuk melaksanakan tanggungjawabnya menyusun semula sekretariat OIC di Jeddah.

"Jika diterima oleh sidang kemuncak itu, maka kita boleh melihat bagaimana OIC menjadi satu badan relevan yang mempunyai keberkesanannya," katanya.

Menteri Luar turut berkata beliau pernah berbincang dengan Belkeziz berhubung masalah negara anggota tidak membayar "yuran" sehingga menyukarkan pelaksanaan aktiviti OIC.

"Saya fikir kita kena memperkenalkan prosedur tertentu supaya kita dapat memungut subscription (yuran) dan dengan itu OIC boleh menjadi lebih aktif," katanya.

Beliau berkata surat jemputan untuk menghadiri mesyuarat itu akan dikeluarkan selepas perhimpunan agung Umno berakhir hari ini.

Beberapa menteri akan dilantik sebagai wakil khas untuk menyampaikan jemputan itu bagi pihak Dr Mahathir, katanya.

Dalam pada itu, Syed Hamid berkata Malaysia telah membuat persediaan amat rapi untuk melaksanakan tanggungjawabnya menyusun semula sekretariat OIC di Jeddah.

"Jika diterima oleh sidang kemuncak itu, maka kita boleh melihat bagaimana OIC menjadi satu badan relevan yang mempunyai keberkesanannya," katanya.

Menteri Luar turut berkata beliau pernah berbincang dengan Belkeziz berhubung masalah negara anggota tidak membayar "yuran" sehingga menyukarkan pelaksanaan aktiviti OIC.

"Saya fikir kita kena memperkenalkan prosedur tertentu supaya kita dapat memungut subscription (yuran) dan dengan itu OIC boleh menjadi lebih aktif," katanya.

Syed Hamid berkata beliau bercadang memperkenalkan sesi interaktif

untuk perbincangan di peringkat menteri OIC yang dianggapnya sebagai lebih berkesan.

"Kita tak perlu cakap banyak. Yang paling penting sekali ialah kita tentukan kita ada pelan tindakan yang boleh dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, ini lebih bermakna kerana kehormatan OIC kini dicabar dan diperlekehkan dengan kuasa-kuasa besar, sama ada sedar atau tidak, cuba melemahkan OIC sebagai sebuah organisasi.

"Mereka tidak langsung mengambil kira pandangan OIC dalam apa-apa konflik melibatkan umat Islam dan sebaliknya lebih berminat bertemu dengan negara-negara tertentu, dan dengan itu OIC tidak diambil kira," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia kadang-kadang bersikap kritikal terhadap OIC kerana ia tidak menyukai badan yang mewakili negara-negara Islam itu.

"Kita ialah antara negara pengasas OIC dan kita percaya ia mempunyai keupayaan untuk menjadi satu badan mewakili pandangan masyarakat Islam supaya ia lebih dihormati," katanya.

-- BERNAMA
MAM KHY ROS